

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG

TARIKH : 06 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Miri, Sarawak yang bertaraf antarabangsa untuk meningkatkan kapasiti dan mendorong industri pelancongan dan apakah pelan Kerajaan dalam usaha mengadakan lebih banyak penerbangan terus dari negara-negara luar seperti Indonesia, China dan lain-lain ke Miri, Sarawak.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Pada masa ini, Lapangan Terbang Miri (LTM) ialah sebuah lapangan terbang berstatus domestik. Walaupun tidak berstatus antarabangsa, LTM masih boleh menerima penerbangan antarabangsa dengan kemudahan-kemudahan yang menyokong kepada penerimaan penerbangan antarabangsa tersebut sama seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh. Lapangan-lapangan terbang domestik termasuk LTM adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain. Sehubungan itu, Kerajaan pada ketika ini tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baharu di Miri.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri (LTM) dan telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia KeSebelas (RP3, RMKe11)*. Di atas kekangan kewangan Kerajaan, permohonan ini masih belum diberikan pertimbangan.
3. Sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, Kementerian ini melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah bersetuju untuk menyediakan kemudahan tempat letak kereta tambahan dengan menggunakan peruntukan MAHB.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus dari mana-mana negara ke/dari Miri dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- i. rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
 - ii. memasukkan Miri sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services (MAFLPAS)* dan *Air Transport Agreement Between The Governments Of The Member States Of The Association Of Southeast Asian Nations And The Government Of The People's Republic Of China (AC-ATA)*. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN dan Republik Rakyat China (RRC), tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan
 - iii. memasukkan destinasi-destinasi seperti Miri, Sarawak sebagai salah satu daripada destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-

EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan

- iv. menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke LTM oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi Airlines Incentives Programme.
- 5. Dalam hubungan ini, sebarang rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sarawak termasuk LTM adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.
- 6. Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Miri, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 52